

18 JULAI 2018

## Dos dadah dalam susu punca bayi mati

KOSMO! RABU 18 JULAI 2018

### Dos dadah dalam susu punca bayi mati

**PENNSYLVANIA, Amerika Syarikat** – Seorang bayi lelaki meninggal dunia akibat lebihan dos dadah dalam badan yang dipercayai selepas meminum susu badan ibunya di New Britain di sini baru-baru ini.

Samantha Whitney Jones, 30, kini berdepan pertuduhan jenayah pembunuhan selepas bayinya berusia 11 minggu meninggal dunia di kediamannya pada 2 April lalu.

Pemeriksaan perubatan mendapati ada kandungan metadon, amfetamina dan methamphetamine di dalam darah bayi malang berkenaan. Jones dilaporkan mengambil metadon disebabkan ketagihannya terhadap ubat tahan sakit.

Menurut afidavit yang dibentangkan di mahkamah, bayi dan ibunya tidur dalam bilik berasingan pada hari kematian.

Bayi berkenaan bangun pada pukul 3 pagi kerana kelaparan dan Jones memberikannya susu badan. Tertuduh tidak ke dapur untuk membancuh susu formula untuk anaknya. Suami tertuduh kemudiannya membancuh susu formula dalam botol sekitar 6.30 pagi dan Jones memberi minuman itu kepada bayinya.

Selepas sejam, muka bayi bertukar pucat dan ada lendir keluar daripada hidung mangsa. Jones menjerit dan ibunya menghubungi talian kecemasan 911 untuk bantuan.

Jantung bayi itu berhenti dan disahkan meninggal dunia pada pukul 8.29 pagi, menurut laporan Fox 29. Jones kini bakal berdepan pertuduhan awal pada 23 Julai ini. – Agensi



**JONES didakwa menyebabkan kematiannya bayinya akibat terlebih dos dadah.**

AGENCI